

Menjadikan gangguan seksual sebagai jenayah

u.m m/s 10 11.6.07

Oleh NOR AZIAH MOHD. AWAL

GANGGUAN seksual berbeza dengan jenayah seksual. Ia adalah satu isu yang hangat diperkatakan hari ini. Buat masa ini telah ada Kod Amalan Bagi Pencegahan dan Pembasmian Gangguan Seksual di Tempat Kerja. Kerajaan telah bercadang menjadikannya satu undang-undang yang memberi kesan yang lebih jelas kepada masyarakat.

Apakah yang dimaksudkan dengan gangguan seksual? Menurut Artikel 4 Kod Amalan 1999, gangguan seksual ialah perlakuan bercirikan seksual yang tidak diingini atau disenangi termasuklah ganggu secara verbal, tidak verbal, visual, psikologi mahupun secara fizikal.

Ia juga didefinisikan sebagai menyebabkan suatu gangguan terhadap pekerja wanita di tempat kerja mereka dengan mendesak atau mencemuh mereka melalui perbuatan, perkataan atau bukan perkataan yang berbau lucah yang tidak disenangi.

Ramai wanita tidak tahu pun dia diganggu secara seksual seperti apabila seorang rakan sekerja lelaki sering mengatakan dia sangat tertarik dengan punggung atau payudara rakannya itu.

Ramai lelaki yang suka membuat jenaka yang berunsur lucah atau membara maksud berganda (*double meaning*). Ini juga sering menimbulkan rasa tidak selesa dan apa yang kita lihat berlaku di Parlimen dahulu adalah satu contoh

yang sangat biasa.

Jika gangguan seksual berlaku, apakah perlindungan undang-undang yang sedia ada?

Biasanya, jika ia berlaku di tempat kerja maka Kod Amalan 1999 ini bolehlah digunakan. Namun ia tiada kuasa undang-undang.

Dengan demikian tidak hairanlah ramai pekerja wanita tidak menggunakannya atau melaporkan kejadian gangguan seksual di tempat kerja.

Kebanyakan pekerja wanita jika diganggu secara seksual akan merasa amat tertekan dan bersalah. Malah ramai yang merasakan mereka menyumbang kepada gangguan tersebut seperti merasakan mereka tidak sepatutnya berpakaian sedemikian atau sebagainya.

Dalam kebanyakan pekerja wanita sendiri yang memohon untuk berhenti kerja atau kerana terlalu tertekan tidak datang bekerja sehingga menyebabkan tindakan tatatertib dan pemuangan dilaksanakan terhadapnya.

Dalam kes *Lilian Therera de Costa v. Mejar (B) Zulkifli Mokti (1996) 2 ILR 1794* Mahkamah Perusahaan memutuskan bahawa perbuatan defendan terhadap plaintif adalah satu gangguan seksual dan pemecatannya adalah salah di sisi undang-undang.

Apa yang defendan lakukan ialah meraba dan mencium plaintif semasa plaintif berada di biliknya.

Defendan juga telah memeluk dan meraba payudara plaintif semasa plain-

tif berada di dapur pejabat defendan. Dalam kes ini plaintif telah tidak datang bekerja kerana terlalu diganggu dan ketidakhadirannya menyebabkan dia dibuang kerja.

Plaintif telah membawa kesnya ke Mahkamah Perusahaan dan ia adalah satu suatu pengiktirafan bahawa gangguan seksual adalah suatu kesalahan walaupun bukan suatu jenayah di bawah Kanun Keseksaan.

Kesalahan

Peruntukan undang-undang yang paling rapat dengan gangguan seksual ialah Seksyen 509 Kanun Keseksaan di mana adalah menjadi satu kesalahan jika seseorang itu "... mengaibkan kehormatan seseorang dengan menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat atau menunjukkan apa-apa benda."

Malangnya tiada perkataan gangguan seksual secara spesifik digunakan. Tambahan pula perbuatan yang dianggap mengaibkan itu hendaklah dilakukan secara lisan atau melalui isyarat. Dengan sendirinya mengaibkan melalui perbuatan seperti meraba, mencium dan sebagainya tidak termasuk dalam kategori ini.

Selain Seksyen 509 satu lagi seksyen yang relevan ialah Seksyen 354 yang berbunyi: "Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke atas seseo-

rang dengan niat hendak mencabul ke-hormatannya." Perkataan yang digunakan di sini ialah mencabul kehormatan dan bukannya gangguan seksual.

Adakah ia perkara yang sama atau berlainan. Tambahan pula dalam seksyen ini perlu ada kekerasan atau serangan untuk membolehkan tindakan diambil terhadap pelaku. Jika setakat meraba dan mencium, maka tidak ada apa yang boleh dilakukan terhadap pelaku.

Dari penerangan di atas, jenayah seksual berbeza sedikit dari gangguan seksual. Ada masanya gangguan seksual adalah mukadimah kepada jenayah seksual seperti rogol atau Seksyen 509 dan 354.

Seorang wanita perlu dapat membezakan perlakuan ini kerana jika ia berlaku, ia perlu dilaporkan kepada polis. Dalam hal gangguan seksual, jika ia terkeluar dari Seksyen 509 atau 354, dan jika ia berlaku di tempat kerja, aduan boleh dibuat kepada Kementerian Sumber Manusia.

Dalam masa yang sama, sudah tibalah masanya gangguan seksual dijadikan kesalahan jenayah di mana pelaku boleh dihukum.

□ PROF. MADYA NOOR AZIAH MOHD. AWAL
Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).